Sinar Harian

# Kemerdekaan Tanah Melayu di bawah Ratu Elizabeth

oleh NURFARDLINA IZZATI MOKTAR 10 September 2022



Ratu Elizabeth II memainkan peranan dalam memberi kemerdekaan kepada negara. - Foto Warisan Permaisuri dan Arkib Negara.

SHAH ALAM - Ratu Elizabeth II yang mangkat pada Khamis ialah ketua kumpulan 56 negara Komanwel yang merangkumi hampir suku daripada penduduk dunia ketika Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Pakar sejarah, Profesor Datuk Dr Teo Kok Seong berpandangan Ratu Elizabeth II memainkan peranan secara langsung atau tidak langsung dalam memberi kemerdekaan kepada negara.

"Ini kerana sekurang-kurangnya perkara itu dimaklumkan kepada baginda bahawa tanah jajahan mereka ada memohon kemerdekaan.

"Ia bermakna kemerdekaan negara kita berada dalam pengetahuan baginda," katanya kepada Sinar Harian pada Jumaat.